

Parlimen: KPDNKK Pastikan Lebih Banyak Barang Pengguna Mengikut Standard Keselamatan
Bernama
23 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sedang memastikan lebih banyak barang pengguna mengikut standard keselamatan bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan pengguna.

Timbalan menterinya Datuk Tan Lian Hoe berkata untuk itu, pengguna perlu tampil untuk membuat aduan ke atas mana-mana barang pengguna diragui tidak selamat supaya tindakan dapat diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab terhadap barangan tersebut dengan kadar yang segera.

Beliau juga berkata tidak semua barang pengguna di pasaran adalah di bawah seliaan kementerian itu.

Contohnya peralatan elektrik bagi kegunaan pengguna adalah di bawah seliaan Suruhanjaya Tenaga, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) manakala barang pengguna seperti makanan, kosmetik dan ubat-ubatan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan, katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Ismail Abd Muttalib (BN-Marang) pada persidangan Dewan Rakyat di sini pada Selasa.

Ismail ingin tahu jumlah produk yang ditarik balik daripada pengeluaran serta makluman produk yang tidak selamat tidak didedahkan kepada pengguna secara berterusan.

Sementara itu, Tan berkata kementerian itu juga telah membuat larangan pembekalan ke atas barang pengguna yang dinamakan 'Seven Color Crystal Ball' dan apa-apa barang yang sama dengannya kerana ia tidak selamat dan telah menyebabkan kecederaan kepada kanak-kanak.

Beliau berkata tindakan itu diambil melalui Perintah Perlindungan Pengguna (Larangan Terhadap Barang Yang Tidak Selamat) 2011 yang dikuatkuasakan pada 26 Ogos tahun lepas.

Katanya hebahan juga telah dibuat melalui notis pemberitahuan di surat khabar dan media massa umum agar pihak pembekal berkaitan menarik balik barang itu daripada pasaran dalam tempoh sebulan dari tarikh kuatkuasa perintah berkaitan dengan menggunakan perbelanjaan pembekal itu sendiri.

"Pengiklanan juga telah dimasukkan di dalam surat khabar dan laman web bagi memaklum dan meningkatkan kesedaran pengguna berhubung larangan ini," katanya.

Selain itu, beliau berkata aktiviti pemantauan pasaran dan penguatkuasaan juga telah dibuat oleh kementerian bagi memastikan barang itu tidak dibekalkan di pasaran Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704179>